

05/05/2004

Teknologi baru kuasai pasaran IT

By Hizral Tazzif Hisham

BEBERAPA teknologi baru seperti penggunaan Suara menerusi Protokol Internet (VoIP), perkhidmatan jalur lebar yang semakin meluas, kemampuan untuk meningkatkan penggunaan komputer secara bergerak dan penggunaan sistem terbenam akan mewarnai industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan.

International Data Corp (IDCs) mengunjurkan menjelang 2007, ada satu bilion pengguna yang melayari internet yang mana sebahagian daripadanya akan membuat capaian internet menerusi peralatan komunikasi mudah alih.

Pengarah Urusan IDC Malaysia, Selinna Chin, berkata lebih banyak pelaburan akan ditumpukan kepada pembangunan laman web, penyelesaian pemprosesan urus niaga dan pengurusan simpanan data, manakala sebahagian besar isi rumah akan memanfaatkan perkhidmatan jalur lebar.

"Perkhidmatan VoIP yang mula menampakkan kelebihannya dan diterima ramai akan terus mendapat sambutan hangat daripada pengguna kerana kemampuannya untuk menjimatkan kos di samping lebih banyak syarikat gergasi berhijrah daripada perkhidmatan berasaskan suis litar kepada suis paket," katanya pada persidangan Unjuran IDC 2004 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, perkembangan paling menarik ialah perkembangan sistem terbenam seperti pengenalan berasaskan frekuensi radio (RFID) yang mula mendapat perhatian syarikat dan organisasi antarabangsa.

"Malaysia misalnya, tidak ketinggalan dalam perlumbaan dalam pembangunan teknologi RFID dengan menghasilkan cip MM yang dilancarkan tahun lalu oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan RFID sedang rancak berjalan di seluruh dunia," katanya.

Chin berkata, dengan adanya gabungan antara sistem terbenam, sistem rangkaian meluas dan peranti komunikasi mudah alih menyebabkan akan terbentuknya perkakasan mudah alih yang mampu mencapai maklumat serta dalam masa yang sama melakukan tugas lain.

Beliau berkata, peningkatan jumlah data yang mengalir dalam internet juga akan bertambah dengan bermakna yang mana dijangka pada 2008 maklumat yang berada dalam internet adalah satu juta petabytes sehari yang mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh peranti elektronik yang mampu berkomunikasi.

Beliau berkata, IDC mengunjurkan perkembangan pasaran ICT di Malaysia sekitar 8.6 peratus yang mana sebahagian besar didorong oleh perbelanjaan korporat.

Sementara itu, pembangunan sektor perisian tempatan tahun ini menampakkan kerancakan dengan tumpuan kepada pasaran khusus seperti aplikasi tertentu untuk pasaran perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta memberi tambahan nilai kepada penyelesaian sedia ada.

Penganalisis Kanan IDC Malaysia, Chin Jun Fwu, berkata kelebihan syarikat perisian tempatan ialah mereka mampu menghasilkan aplikasi tertentu pada harga yang lebih murah berbanding syarikat ICT antarabangsa dan tumpuan utama mereka adalah pasaran PKS.

"Bagaimanapun, syarikat ICT antarabangsa kini sudah mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama dengan syarikat tempatan untuk turut sama menerokai pasaran PKS Malaysia," katanya.

(END)